

## Kerajaan pertimbang geran untuk usahawan mikro terjejas banjir

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, hari ini, bersetuju mempertimbangkan bantuan berbentuk geran, khusus bagi meringankan beban ditanggung usahawan mikro dan informal yang terjejas banjir, selain bantuan kewangan disediakan agensi kerajaan.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Kewangan (MOF) akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan agensi serta dewan perniagaan berkaitan, bagi memperhalusi cadangan yang dibentangkan untuk pertimbangan kerajaan.

"Mesyuarat hari ini membincangkan secara terperinci mengenai impak banjir ke atas pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk peniaga informal.

"Pada mesyuarat ini, **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Bersekutu Malaysia (MAICCI) serta MEDAC telah berkongsi impak akibat banjir.

"Mereka turut mencadangkan beberapa tindakan bagi membolehkan PMKS bangkit semula. Mesyuarat turut mendengar keluhan daripada dua orang usahawan PMKS dari Taman Sri Muda, Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Hulu Langat yang terjejas teruk bagi mendapatkan gambaran sebenar kerugian, kesan dan masalah yang mereka hadapi," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu.

Perdana Menteri berkata, lawatan susulan ke lokasi yang dikenal pasti, akan diadakan bagi memastikan program bantuan banjir untuk pengusaha PMKS termasuk peniaga informal, sampai kepada kumpulan sasaran.

"Insya-Allah, saya akan mengumumkan inisiatif ini setelah diperhalusi dan dimuktamadkan. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia kekal terjamin," katanya.

Beliau berkata, bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat banjir, sebelum ini kerajaan sudah memperkenalkan pakej Bantuan Banjir Keluarga Malaysia berjumlah RM1.4 bilion yang merangkumi bantuan tunai, pembaikan rumah dan fasiliti awam.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/915205/kerajaan-pertimbang-geran-untuk-usahawan-mikro-terjejas-banjir>